



POLITEKNIK KUCHING SARAWAK
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
KM 22, Jalan Matang
93050 Kuching
Sarawak, Malaysia



Tel: +6 082 - 845596 / 7 / 8
Faks: +6 082 - 845023
www.poliku.edu.my

Ruj. Kami: PKS.700-6/1/1(9)
Tarikh : 31 Mei 2021

KEPADA PIHAK YANG BERKENAAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI (LI) PELAJAR POLITEKNIK KUCHING SARAWAK BAGI SESI DISEMBER 2020 SUSULAN PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PENUH ATAU *TOTAL LOCKDOWN* DI SELURUH NEGARA

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, merujuk kepada Kenyataan Media Y.A.B Perdana Menteri bertarikh 28 Mei 2021 yang telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh atau *total lockdown* bermula 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021 dan akan diikuti dengan fasa-fasa susulan yang tertakluk kepada penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kelak. Penetapan *total lockdown* semestinya memberi kesan kepada pelajar Politeknik Kuching Sarawak (PKS) yang sedang menjalani Latihan Industri (LI) bagi memenuhi keperluan program pengajian masing-masing.

3. Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar yang sedang menjalani LI boleh diberikan **PELEPASAN BERCUTI** oleh pihak industri seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan Latihan Industri dengan **Pelepasan Tanpa Tugas (PTT)** atau **Pelepasan Dengan Tugas (PDT)** mengikut keperluan / perbincangan / kelulusan industri;
 - (a) bagi pelajar yang diberikan PTT, pelajar perlu menggantikan tempoh pelepasan tersebut; dan
 - (b) bagi pelajar yang diberikan PDT, pelajar tidak perlu menggantikan tempoh PDT tersebut dan pelajar perlu melengkapkan buku log LI dalam tempoh PDT sebagai pembuktian pelaksanaan tugas dalam tempoh tersebut. Sekiranya industri memberi pilihan kepada pelajar untuk terus bekerja dari rumah sehingga tamat tempoh latihan, maka ini boleh diterima sebagai sebahagian daripada LI. Penyeliaan, pentaksiran dan penilaian LI oleh pihak industri dan institusi boleh dilaksanakan secara dalam talian.
- (ii) Pelajar yang berada dalam tempoh **kuarantin secara wajib** tidak perlu menggantikan tempoh pelepasan tersebut dan perlu kembali meneruskan latihan selepas tamat tempoh kuarantin.



4. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon kerjasama daripada pihak tuan untuk melengkapkan maklum balas bentuk pelepasan sama ada secara **PTT** atau **PDT** melalui pautan <https://forms.gle/36eh4PYmAxD4w9tf8>

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaaan, sila berhubung dengan pihak Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) PKS di talian 082-845596. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SAMSUDIN BIN MOHD. SALEH)

Timbalan Pengarah (Akademik)

b.p. Pengarah

Politeknik Kuching Sarawak